

20/10/2000

Kemeriahan jadi impian SIC

Saufi Hamzah; Zairee Zahir; Haryani Ngah
SEBAIK sesi latihan bebas bermula hari ini, Grand Prix Malaysia Petronas edisi kedua akan mengharapakan kemahiran dan kecekapan pemandu Formula Satu dapat memeriahkan acara selama tiga hari itu.

Harapan yang amat dinanti-nantikan oleh penganjur, Sepang International Circuit (SIC) tentunya mahu melihat perlumbaan tahun ini tetap menarik atau lebih menarik berbanding tahun lalu.

Memandangkan perlumbaan itu adalah yang terakhir bagi musim ini, penganjur mahukan segala-galanya berjalan lancar baik di atas litar mahupun di persekitarannya.

Sama ada Michael Schumacher menang atau kalah, perlumbaan berkenaan seharusnya tetap menarik dan bermakna, lebih-lebih lagi jika pemandu Jerman itu mendapat tempat pertama dan membuat pusingan kemenangan di litar sepanjang 5.542 kilometer berkenaan.

Malaysia membelanjakan kira-kira RM30 juta untuk memberikan litar dan kawasan sekitarnya dengan wajah baru sejak kemunculannya tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga seorang peminat sukan motor, adalah pendokong utama untuk membawa Formula Satu ke negara ini.

Litar F1 Sepang yang terletak kira-kira 70 kilometer di selatan Kuala Lumpur adalah berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dibina dengan belanja RM280 juta. Lebih 100,000 penonton datang menyaksikan perlumbaan pada 1999, dan disiarkan ke lebih 150 negara.

Tahun ini, penganjur menambah tempat duduk baru dan aspek keselamatan di sekeliling litar. Meskipun hujan Ahad ini - musim tengkujuh di Malaysia - sistem perparitan baru dengan pantas dapat memperbaiki suasana.

Kejayaan Schumacher di Jepun menggembirakan peminat Ferrari di seluruh dunia. Namun debaran masih dapat disaksikan di Sepang bagi menentukan sama ada pasukan Itali itu dapat mengekalkan gelaran pengeluar.

Ferrari mendahului McLaren dengan 13 mata. Mika Hakkinen dan rakan McLarenya, David Coulthard perlu mendapat keputusan sekurang-kurangnya tempat pertama dan ketiga serta menyekat Ferrari daripada meraih sebarang mata untuk menyambar gelaran berkenaan.

Namun, jika Schumacher dan Rubens Barrichello meraih sekurang-kurangnya satu mata atau jika McLaren tidak menang perlumbaan itu, Ferrari akan memenangi anugerah pengeluar dan gelaran berganda yang pertama buat mereka sejak 1979, apabila Jody Scheckter membantu Ferrari memenangi kedua-dua gelaran.

Walaupun baru berusia setahun, Grand Prix Malaysia Petronas sudah mencipta banyak sejarah.

Tahun lalu, Schumacher muncul dengan garang dalam arena Formula Satu selepas berehat tiga bulan akibat kecederaan kakinya.

Dia mendapat petak utama di Sepang tahun lalu, memberi ruang kepada bekas rakannya, Eddie Irvine, tetapi dibatalkan selepas perlumbaan namun disahkan semula.

Kini, Schumacher kembali ke Sepang sebagai juara dunia yang baru. Pengurusnya berkata cenderahati dengan label "Juara Dunia 2000," sudah disiapkan, mungkin mula dijual Ahad ini ketika Malaysia menjadi tuan rumah perlumbaan terakhir musim 2000.

(END)